

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan usaha-usaha yang sedang diambil oleh pihak Tenaga Nasional Berhad untuk menjana kuasa elektrik daripada tenaga pasang-surut air laut (tidal), kuasa angin, tenaga solar dengan memakai kaedah photo-voltaic dan daripada kepanasan matahari melalui kaedah mencairkan garam.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa menyokong hasrat Kerajaan dalam meningkatkan penjanaan elektrik daripada Sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Malah, TNB merupakan salah sebuah agensi pelaksana bagi program tarif galakan (*Feed-in Tariff-FiT*) sejak tahun 2011 apabila mekanisme FiT diperkenalkan pada tahun tersebut.
  
2. Dalam hal ini, TNB juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penjanaan melalui sumber TBB seperti berikut:
  - (i) bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah dalam membangunkan projek Solar Hibrid bagi bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar melalui program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB);
  - (ii) bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membina stesen Solar Hibrid di sekolah-sekolah luar bandar bagi tujuan menaik taraf kemudahan pendidikan;

- (iii) bekerjasama dengan syarikat-syarikat perladangan tempatan seperti FELDA dan Sime Darby untuk membina loji jana kuasa biojisim dan biogas;
- (iv) memasang sistem solar PV di bangunan-bangunan TNB, seperti di bangunan Ibu Pejabat TNB dan Dua Sentral;
- (v) melaksanakan kajian dan pembangunan sistem Solar PV Berapung atau *Floating Solar*, dengan izin, melalui projek perintis berkapasiti 108kW di Labu, Negeri Sembilan dengan pembiayaan daripada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE); dan
- (vi) membangunkan satu sistem hibrid yang terdiri daripada solar PV, tenaga angin dan diesel di Pulau Perhentian.

3. Walau bagaimanapun, TNB masih belum bercadang untuk menceburi bidang penjanaan elektrik daripada sumber tenaga pasang-surut air laut dan kepanasan matahari melalui kaedah garam kerana kajian terperinci diperlukan bagi memastikan kebolehlaksanaan teknologi-teknologi tersebut di negara ini.

\*\*\*\*\*